

Headline	HIV di Sabah lebih banyak menular melalui hubungan seks		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	08 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	1	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	SHERELL ANN JEFFREY	AdValue	RM 634
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,902



HIV di Sabah lebih banyak menular melalui hubungan seks

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: HIV di Sabah kebanyakannya menular melalui hubungan seks tidak seperti di semenanjung dimana perkongsian jarum dalam kalangan penagih dadah merupakan punca utama.

“Dengan mengambilkira perkara ini, pendekatan dalam mewujudkan kesedaran itu berbeza di Sabah berbanding Semenanjung Malaysia,” kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr Mohd Yusof Ibrahim, pada Rabu.

Beliau berkata demikian setelah melepaskan peserta-peserta dalam konvoi berbasikal untuk menyebarkan kesedaran mengenai risiko dan pencegahan HIV sempena Hari AIDS sedunia.

“Walaupun Sabah merupakan negeri dengan bilangan kes HIV paling rendah di seluruh negara, masih ada keperluan untuk mendidik orang ramai mengenai isu itu, khususnya mengenai pentingnya mengamalkan seks selamat.

“Bukan mudah untuk mengubah sikap manusia, dan itulah sebabnya kami menyokong pengedaran kira-kira 700 kondom percuma kepada orang ramai untuk



Dr Mohd Yusof melepaskan peserta konvoi.

mewujudkan kesedaran,” kata Dr Mohd Yusof.

“Hari ini merupakan pelancaran rasmi konvoi berbasikal anjuran Jabatan Kesihatan Negeri dengan kerjasama Kelab Rekreasi Berbasikal jabatan itu,” kata Dr Mohd Yusof, sambil menambah konvoi itu dijangka tiba di Sandakan pada 10 Disember.

“Sabah akan menganjurkan Hari AIDS Sedunia peringkat kebangsaan pada 10 Disember di Sekolah Menengah Yu Yuan di Sandakan, dan itulah sebabnya konvoi ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha menyebarkan kesedaran sambil menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal.

“Tema untuk Hari AIDS Sedunia tahun ini ialah ‘Menuju Sifar’ dengan slogan ‘Ke arah Penghapusan Transmisi Vertikal’. Ia akan dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Shirlin.”